

26 DEC 2001

Nik Aziz-Bunuh

MEMBUNUH PERBUATAN MUNGKAR DAN AMAT BURUK, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 26 Dis (Bernama) -- Musryidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata rancangan membunuh pemimpin bukan kerja orang Islam kerana perbuatan itu sangat mungkar dan amat buruk.

Beliau berkata di dalam parti yang memperjuangkan Islam seperti PAS, tidak ada rancangan jahat untuk membunuh kerana Islam menganjurkan umatnya supaya berdakwah.

"Islam ini guna dakwah sesuai dengan demokrasi, melalui demokrasi negara beri peluang kepada rakyat untuk berkempen, berdakwah, bermuzakarah dan berjumpa orang ramai sepenuhnya," kata Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan semalam yang mendakwa polis telah membongkar satu pakatan untuk membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, Nik Aziz berkata jika benar wujudnya ancaman seperti itu, pihak yang menerima ancaman itu perlu membuat kajian segera kenapa mereka menerima ancaman berkenaan.

"Takkanlah orang nak bunuh kerana tak ada sebab...jangan ditumpu kepada jahatnya orang yang nak membunuh itu sahaja," katanya.

Sementara itu, Nik Aziz berkata mesyuarat itu hari ini membuat keputusan melantik Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) sepenuh masa berkuatkuasa Januari depan.

Beliau berkata sejak 1995, Yang Dipertua MPKB dilantik daripada kalangan orang politik iaitu Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan mereka bertugas tidak sepenuh masa.

Jawatan itu kini disandang oleh ADUN Wakaf Bharu, Ramli Abu Bakar yang akan tamat tempohnya pada 31 Dis ini.

"Calon yang akan mengisi jawatan berkenaan belum diputuskan, oleh itu Timbalan Yang Dipertua MPKB, Aziz Abu Bakar akan menjalankan tugas-tugas Yang Dipertua sehingga pelantikan dibuat," katanya.

Nik Aziz berkata pelantikan Yang Dipertua MPKB sepenuh masa itu selaras dengan keputusan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan bahawa majlis perbandaran yang mempunyai pendapatan lebih RM10 juta setahun dikehendaki melantik Yang Dipertua sepenuh masa.

-- BERNAMA

BD MOZ